

08/11/1997

Guinea kagum kejayaan Bernas

Jamhariah Jaafar in Conakry (Guinea)

CONAKRY (Guinea), Jumaat - Presiden Guinea, Lansana Conte kagum dengan kejayaan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) yang bukan sekadar menunaikan komitmen seperti dijanjikan, malah melaksanakan pelbagai projek pertanian lain di negara ini.

Serentak itu, beliau mengarahkan rakyatnya terutama penduduk daerah Monchon yang terbabit secara langsung dengan projek penanaman padi Bernas, melalui syarikatnya di sini, So Ciete Bernas de Guinee (Sobergui), memberi kerjasama padu.

"Saya difahamkan ada masalah kerana ada penduduk yang mengaku tanah ini miliknya. Kawasan ini adalah milik kerajaan dan saya memberikan kepada Sobergui untuk mengerjakannya.

"Rakyat Malaysia datang bukan untuk pulang esok tetapi akan tinggal di sini dalam jangka panjang. Kerana itu adalah penting kita memberi sokongan padu kepada mereka," katanya berucap merasmikan penuaian hasil pertama Sobergui di Moohon membabitkan kawasan seluas 800 hektar, di sini hari ini.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud hadir sebagai wakil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bertanggungjawab membawa pelaburan Malaysia ke negara ini, yang ketinggalan kira-kira 30 tahun ke belakang walaupun mencapai kemerdekaan hanya setahun selepas Malaysia.

Turut hadir ialah Menteri Pertanian Sumber Asli dan Hutan Guinea, Jean Paul Sarr; Pengerusi Bernas, Ruhanie Ahmad dan Pengarah Urusan Bernas, Mohd Ibrahim Nor.

Dengan sambutan begitu meriah yang diberikan oleh kira-kira 2,000 penduduk sekitar Monchon, Conte menegaskan kehadiran Malaysia terutama Bernas di negara ini banyak membantu pemimpinnya membuka mata kepada sistem pertanian dan pengurusan yang lebih canggih.

"Malaysia adalah kawan, mereka hadir dengan ikhlas dan hasilnya ialah rakyat negara ini mendapat pengetahuan daripada perpindahan teknologi, kepakaran dan latihan. Kita kini perlu memulakan persaingan terutama melaksanakan pertanian komersil, bukan sekadar untuk kegunaan sendiri," tegasnya.

Sempena tuaian pertama itu, Conte turut merasmikan pembukaan kilang memproses padi pertama di negara ini, juga milik Sobergui.

Bernas memulakan kerja penanaman akhir tahun lalu, selepas Conte dan Dr Mahathir menandatangani perjanjian usaha sama, dengan menjadikan Sobergui sebagai syarikat sendirian berhad mengikut Akta Syarikat Guinea.

Syarikat itu memiliki modal AS\$10 juta, dengan modal berbayar AS\$3.4 juta. Bernas memegang 80 peratus daripada ekuiti Sobergui dan baki 20 peratus dikuasai oleh kerajaan Guinea.

Sobergui memulakan fasa pertama projek di 800 daripada 1,800 hektar tanah yang diberikan kepadanya. Projek yang bermula dengan penanaman pada sekali setahun itu, akan dinaikkan taraf dua kali setahun selepas sistem saliran lebih baik dimulakan tahun depan.

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Tenaga Guinea, Facinet Foncana berkata negara itu menjangka menerima pelaburan AS\$1 bilion jika beberapa projek yang ditawarkan kepada pelabur Malaysia menjadi kenyataan.

Antara projek yang dibincang antara Guinea dan beberapa agensi serta sektor swasta Malaysia ialah pembinaan empangan hidroelektrik, landasan kereta api, pembalakan dan perlombongan.

Ketika ini, pelaburan Malaysia di negara ini bernilai kira-kira AS\$100 juta. Selain Sobergui, pelaburan Malaysia turut membabitkan pembukaan institusi kewangan, perhotelan, restoran, manakala dalam bidang telekomunikasi, Telekom Malaysia turut mencatat kejayaan mengagumkan.
(END)